



# DiGi tambah penguasaan pasaran golongan muda

KUALA LUMPUR, Rabu — Dalam usaha meningkatkan penguasaan dalam segmen golongan muda, DiGi Telecommunications Sdn Bhd hari ini memperkenalkan perkhidmatan muzik mudah alih dan web “DiGi Music Unlimited”

Ketua Segmen Produk dan Pemasaran, Albern Murty berkata khidmat baharu itu membolehkan DiGi satu platform menarik untuk menembusi pasaran golongan muda.

“Dengan lebih 50 peratus penduduk Malaysia terdiri daripada golongan muda, segmen ini merupakan pasaran yang penting dan semakin berkembang untuk DiGi,” katanya kepada pemberita di sini selepas pelancaran DiGi Music Unlimited.

Murty berkata DiGi yang menguasai 27 peratus bahagian pasaran, merancang menguasai satu pertiga daripada pasaran segmen golongan muda.

“Kami sudah membangunkan tarikan kukuh dalam segmen ini sejak kebelakangan ini dan kami sedang meningkatkannya dengan memanfaatkan tarikan terhadap muzik yang merupakan bahagian penting dalam kehidupan,” kata Murty.

Beliau berkata DiGi Music Unlimited bertujuan menyediakan pengalaman muzik sosial holistik kepada pelanggan, yang akan mengubah dan mencorakkan penerimaan muzik di negara ini.

“Ia merupakan contoh sempurna penawaran nilai kami menerusi muzik, mudah diguna menerusi akses telefon mudah alih dan komputer peribadi, semuanya dengan

hanya RM5 sebulan. Murty berkata pelanggan DiGi Music Unlimited tidak perlu membayar untuk caj data melayari dan memuat turun semasa melawat laman web itu sekarang atau dikenakan caj untuk berkongsi senarai muzik dan trek bersama rakan menerusi khidmat pesanan ringkas dan e-mel dan rangkaian sosial.

Perolehan DiGi sejak lima tahun lepas lebih daripada sekali ganda kepada kira-kira RM4.8 bilion dan pangkalan pelanggan DiGi sehingga 30 Jun 2009 ialah seramai 7.2 juta.

DiGi ialah anak syarikat milik penuh DiGi.Com Bhd, yang disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Bhd. — Bernama